

Persepsi guru-guru di sebuah sekolah rendah kawasan bandar tentang amalan profesional mereka

Lim Guat Goh
Pensyarah,
Jabatan Ilmu Pendidikan,
IPG Kampus Ilmu Khas

Abstrak

Amalan profesional guru adalah signifikan terhadap kualiti pembelajaran. Pembangunan berterusan diamalkan untuk memastikan pengekalan kualiti guru. Responden kajian terdiri daripada 36 orang guru tetap di sebuah sekolah rendah kawasan bandar, yang mengikuti kursus PLC. Soal selidik telah digunakan untuk meninjau persepsi guru terhadap amalan profesional mereka, dan mengenalpasti aspek pengetahuan dan kemahiran yang guru perlukan untuk kursus pembangunan berterusan. Amalan profesional yang dikaji termasuk Penyempurnaan diri (berpengetahuan, kawalan emosi, Fokus utama pelaksanaan PdPc, passion guru, guru menjadi teladan), Tugas-tugas pengajaran (Pengurusan bilik darjah, perancangan PdPc, Pelaksanaan PdPc), dan Impak pengajaran. Keputusan analisis menunjukkan bahawa pengetahuan dan kefahaman guru tentang amalan profesional adalah pada tahap baik (77.89%). Keperluan aspek pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan guru ialah kursus pengurusan/kawalan emosi, pewujudan persekitaran pembelajaran sosia-emosi yang kondusif , merangsangkan minat dan menarik tumpuan murid dalam pelaksanaan PdPc, rekabentuk PdPc kolaboratif , dan pendedahan pelbagai gaya kepimpinan.